

18/10/2002

Ahmad, Muhammad dilatih luruskan kaki

KUALA LUMPUR, Khamis - Selepas sebulan menjalani pembedahan pemisahan di Hospital King Fahad National Guard, Riyadh, proses pemulihan pasangan kembar, Ahmad dan Muhammad Rosli sangat menggalakkan.

Ibu pasangan kembar itu, Aisah Kanda, yang dihubungi hari ini berkata, setiap hari kecuali hari ini dan Jumaat, kedua-dua anaknya menjalani latihan berdiri dan meluruskan kaki yang dibantu doktor.

"Hari ini dan Jumaat adalah cuti umum, jadi kami suami isteri terpaksa membantu anak kami menjalankan latihan seperti mengurut dan meluruskan kaki mereka.

"Luka pada badan Muhammad masih ada dan apabila kami memegang pinggangnya, dia menangis. Dia takut dan gayat sikit bila mahu berdiri, tidak seperti abangnya, Ahmad yang gembira bila didirikan," katanya.

Pasangan kembar Siam itu berjaya dipisahkan dalam pembedahan pemisahan yang mengambil masa hampir 23 jam pada 17 September lalu di Hospital King Fahad National Guard, Riyadh.

Pembiayaan pembedahan pemisahan yang bernilai RM1.69 juta ditaja Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz.

Sementara itu, Aisah berkata, beliau dimaklumkan pihak Kedutaan Malaysia di Riyadh bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melawat anaknya Sabtu ini.

"Bila saya beritahu anak-anak saya, mereka tidak faham lagi tetapi selepas diterangkan oleh Rosli mereka menganggukkan kepala," katanya.

Sementara itu, jurugambar New Straits Times, Zahari Zakaria sempat merakam aksi kanak-kanak yang kelihatan ketawa dan menunjukkan wajah ceria di bilik khas dalam Unit Rawatan Rapi Kanak-kanak (PICU) yang menempatkan mereka.